



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS PERBELANJAAN MAKANAN DALAM MASYARAKAT DI NEGERI PERAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

CHOONG FOON YIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS PERBELANJAAN MAKANAN DALAM MASYARAKAT DI NEGERI
PERAK

CHOONG FOON YIN

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA EKONOMI
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada¹³(hari bulan).....⁸ (bulan) 20²¹.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, CHOONG FOON YIN, M20172002212, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk ANALISIS PERBELANJAAN MAKANAN DALAM MASYARAKAT DI NEGERI PERAK

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

CHOONG FOON YIN

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. FATIMAH SALWA ABD. HADI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ANALISIS PERBELANJAAN MAKANAN DALAM MASYARAKAT DI NEGERI PERAK

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA EKONOMI (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

13hb OGOS 2021

Tarikh

Salwa

Tandatangan Penyelia

DR. FATIMAH SALWA BINTI ABD. HADI
PENSYARAH KANAN
Jabatan Ekonomi
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: ANALISIS PERBELANJAAN MAKANAN DALAM MASYARAKAT
DI NEGERI PERAK

No. Matrik / *Matric's No.*: M20172002212
Saya / I: CHOONG FOON YIN

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (~~Kodoktoran~~/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (☒) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (☒) for category below:-*

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

CHOONG FOON YIN

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Salwa

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: 29hb JUN 2021

DR. FATIMAH SALWA BINTI AED. HADI
PENSYARAH KANAN
Jabatan Ekonomi
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya titipkan rasa syukur kerana dapat menyiapkan kertas projek ini dengan jayanya. Usaha ini tidak mungkin akan berjaya tanpa bimbingan, tunjuk ajar, dan sokongan daripada pelbagai pihak. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi bantuan kepada saya dalam menghasilkan penulisan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada pensyarah penyelia tesis saya, Dr. Fatimah Salwa Binti Abd. Hadi atas segala tunjuk ajar yang telah diberi sepanjang menjalankan kajian dan menyiapkan penulisan ini. Bimbingan dan nasihat yang penuh dengan kesabaran dari beliau amatlah saya hargai. Jutaan terima kasih diucapkan ke atas segala tunjuk ajar dan meluangkan masa yang banyak sepanjang saya menghasilkan kertas projek ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu saya yang memberi saya pemudahcara untuk menyiapkan penulisan ini. Beliau telah memberikan saya segala kemudahan dan sokongan moral sehingga saya berjaya menghasilkan kertas projek ini. Sokongan dan dorongan beliau banyak membantu saya lebih bersedia dari segi fizikal dan mental.

Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada rakan-rakan yang banyak memberi peringatan kepada saya. Mereka tidak jemu menjawab setiap pertanyaan yang saya tanyakan kepada mereka. Mereka juga sentiasa memberikan bantuan kepada saya tidak kira dalam menyiapkan penulisan ini mahupun hal-hal lain.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya untuk menyempurnakan penulisan tesis ini.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat di negeri Perak. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dan pengumpulan data menggunakan kaedah pensampelan bola salji. Seramai 206 ketua keluarga yang membuat perbelanjaan makanan untuk isi rumah terlibat dalam kajian ini. Data yang diperoleh di analisis menggunakan ujian min, kekerapan, peratusan, korelasi *Pearson*, ujian regresi berbilang dan diproses menggunakan perisian SPSS versi 23. Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan di antara umur dan pendidikan dengan perbelanjaan makanan. Dapatan daripada analisis regresi berbilang menunjukkan bahawa faktor kesedaran ($\beta_1 = 0.283$, $p = 0.000$), peribadi ($\beta_2 = 0.393$, $p = 0.000$) dan keagamaan ($\beta_3 = 0.205$, $p = 0.004$) adalah signifikan dan berkaitan secara positif manakala faktor sosial ($\beta_4 = -0.159$, $p = 0.028$) adalah signifikan dan berkaitan secara negatif dengan perbelanjaan makanan. Sementara itu, hanya faktor media ($\beta_5 = 0.060$, $p = 0.487$) didapati tidak signifikan. Kesimpulannya, tingkat perbelanjaan makanan di negeri Perak adalah tinggi dan keadaan ini didorong oleh banyak faktor seperti kesedaran, peribadi, keagamaan, sosial dan media. Ini termasuklah penawaran makanan yang pelbagai dengan harga yang mampu milik, fungsi pihak berwajib mempromosikan makanan, bekalan makanan siap dan tidak siap yang tinggi dan sebagainya. Implikasi kajian mengetengahkan kepentingan perancangan perbelanjaan terutamanya kepada setiap ketua keluarga. Hal ini penting bagi memastikan masyarakat di negeri Perak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang pemilihan makanan yang baik untuk kesihatan.



ANALYSIS OF FOOD EXPENDITURE IN PERAK

ABSTRACT

This study aims to analyze food expenditure among the community in Perak. This study uses quantitative methods by using a questionnaire as a research instrument, and data collection using snowball sampling method. A total of 206 heads of households who spend on food for family member were involved in this study. Data obtained in the analysis using mean test, frequency, percentage, pearson correlation, multiple regression test, and processed using SPSS version 23. In addition, the study findings also showed that there is a significant relationship between age and education with food expenditure. Findings from multiple regression analysis showed that awareness ($\beta_1 = 0.283$, $p = 0.000$), personal ($\beta_2 = 0.393$, $p = 0.000$) and religious factors ($\beta_3 = 0.205$, $p = 0.004$) were significant and positively related while social factors ($\beta_4 = 0.159$, $p = 0.028$) was significant and negatively related to food expenditure. Meanwhile, only the media factor ($\beta_5 = 0.060$, $p = 0.487$) was found to be insignificant. In conclusion, the level of food expenditure in Perak is high and this situation is driven by many factors such as awareness, personal, religious, social and media. These include a diverse supply of food at affordable prices, the function of the authorities to promote food, a high supply of ready to eat and not ready to eat food and so on. The implications of the study highlight the importance of expenditure planning especially to each head of the households. This is important to ensure that the people in the state of Perak have sufficient knowledge about good food choices for health.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB 1 PENGENALAN


05-4506832


1.1


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah


PustakaTBainun


ptbupsi

1

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Soalan Kajian	12
1.6	Hipotesis Kajian	12
1.7	Kepentingan Kajian	13
1.7.1	Ketua keluarga	13
1.7.2	Pelajar	13
1.7.3	Masyarakat	14
1.7.4	Kerajaan	15
1.8	Limitasi Kajian	16

1.9	Definisi Operasional	17
1.9.1	Perbelanjaan Makanan	18
1.9.2	Makanan Siap	18
1.9.3	Makanan Tidak Siap	19
1.10	Kerangka Konseptual Kajian	20
1.11	Kesimpulan	21

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	22
2.2	Makanan	23
2.2.1	Definisi Makanan	23
2.2.2	Jenis Makanan	25
2.2.3	Kepentingan dan Manfaat Makanan	26
2.2.4	Teori Berkaitan	30
2.2.4.1	Teori Keperluan Maslow	30
2.3	Teori Gelagat Pengguna	31
2.4	Kajian Lepas	36
2.4.1	Kajian Berkaitan Makanan: Umum	36
2.4.2	Perbelanjaan Makanan	56
2.4.3	Faktor-faktor Mempengaruhi Perbelanjaan	59
2.5	Jurang Kajian	83
2.6	Kesimpulan	84

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	86
3.2	Reka Bentuk Kajian	87
3.3	Populasi, Sampel dan Persampelan	88
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	91
3.5	Instrumen Kajian	93
3.5.1	Prosedur Pembinaan Instrumen	94
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	97
3.6.1	Instrumen Kesahan	98
3.6.2	Instrumen Kebolehpercayaan	99
3.7	Prosedur Kajian	102
3.8	Kajian Rintis	104
3.9	Prosedur Penganalisisan Data	105
3.9.1	Analisis Statistik Deskriptif	106
3.9.1.1	Min	107
3.9.1.2	Sisihan Piawai	108
3.9.2	Analisis Inferensi	109
3.9.2.1	Saiz Pekali Korelasi Pearson	110
3.9.2.2	Regresi Linear Berbilang	112
3.10	Kesimpulan	113

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	115
4.2	Profil Responden	116

4.3	Objektif 1: Menentukan tingkat perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat negeri Perak	119
4.4	Objektif 2: Mengenal pasti hubungan di antara faktor demografi dengan tingkat perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat negeri Perak	122
4.4.1	Andaian Korelasi Pearson	123
4.4.2	Analisis Korelasi Pearson	125
4.5	Objektif 3: Menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat negeri Perak	126
4.5.1	Analisis Deskriptif	127
4.5.1.1	Faktor Media	127
4.5.1.2	Faktor Kesedaran	128
4.5.1.3	Faktor Sosial	129
4.5.1.4	Faktor Keagamaan	130
4.5.1.5	Faktor Peribadi	131
4.5.2	Analisis Inferens	132
4.5.2.1	Andaian Regresi Berbilang	133
4.5.2.2	Analisis Regresi Berbilang	137
4.5.2.2.1	Kesedaran	140
4.5.2.2.2	Media	141
4.5.2.2.3	Sosial	141
4.5.2.2.4	Keagamaan	142
4.5.2.2.5	Peribadi	142
4.5.3	Model Anggaran	143
4.6	Kesimpulan	144

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pengenalan	145
5.2	Perbincangan	146
5.2.1	Objektif 1: Tingkat Perbelanjaan Makanan	146
5.2.2	Objektif 2: Hubungan di antara faktor demografi dengan jumlah perbelanjaan makanan	149
5.2.3	Objektif 3: Faktor Penentu Perbelanjaan Makanan	150
5.2.3.1	Kesedaran	151
5.2.3.2	Media	152
5.2.3.3	Sosial	152
5.2.3.4	Keagamaan	153
5.2.3.5	Peribadi	154
5.3	Cadangan Kajian	155
5.3.1	Cadangan Dalam Merancang Perbelanjaan Makanan	155
5.3.2	Cadangan Kajian Lanjutan	159
5.4	Kesimpulan	159

RUJUKAN	161
----------------	-----

LAMPIRAN	180
-----------------	-----

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Ringkasan Sorotan Literatur Berkaitan Faktor-Faktor Mempengaruhi Perbelanjaan Makanan.	80
3.1	Bahagian Borang Soal Selidik	95
3.2	Penggunaan Skala Likert dalam Borang Soal Selidik	96
3.3	Nilai Kebolehppercayaan	99
3.4	Nilai Cronbach's Alpha untuk pemboleh ubah tidak bersandar dalam soal selidik	100
3.5	Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> untuk pemboleh ubah tidak bersandar dalam soal selidik kajian sebenar	101
3.6	Nilai Min Tahap Pemboleh Ubah	106
3.7	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	111
3.8	Ringkasan Pengujian Objektif	113
4.1	Profil Responden	118
4.2	Komponen Perbelanjaan Keperluan Asas Responden	120
4.3	Pilihan pembelian makanan	121
4.4	Tingkat perbelanjaan makanan	122
4.5	Hubungan Antara Faktor Demografi Dengan Perbelanjaan Makanan	126
4.6	Faktor Media	128
4.7	Faktor Kesedaran	129
4.8	Faktor Sosial	130
4.9	Faktor Keagamaan	131
4.10	Faktor Peribadi	132



4.11	Skor Toleransi dan VIF	135
4.12	Durbin Watson	137
4.13	Analisis Regresi Berbilang untuk Perbelanjaan Makanan	138

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Model Kerangka Kajian	21
3.1 Carta Alir Prosedur Kajian	103

SENARAI SINGKATAN

et. al.	dan pengarang-pengarang lain
FAO	Food and Agriculture Organization of the United Nations
IHP	Indeks Harga Pengguna
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
KFC	Kentucky Fried Chicken
MCD	McDonalds
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia
kcal	1000 kalori
BMI	Indeks Jisim Tubuh
BMD	Kepadatan Mineral Tulang
ANOVA	Analisis Satu Arah Varians
SPSS	Pakej Statistik untuk Sains Sosial
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam



BAB 1

PENDAHULUAN



Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian kaum dan budaya. Keadaan ini menyebabkan wujudnya pelbagai jenis makanan yang unik dan lazat. Menurut Ho (2020), kepelbagaian makanan telah menjadikan Malaysia sebagai salah satu syurga makanan dan permintaan terhadap makanan meningkat saban tahun. Makanan bukan sahaja dapat menjadi pemangkin perpaduan bagi rakyat Malaysia, bahkan turut menjadi penggerak ekonomi negara.

Sehubungan dengan itu, Perak juga merupakan salah satu negeri di Malaysia yang mempunyai kepelbagaian makanan. Menurut Muhammad (2016), negeri Perak juga mempunyai kepelbagaian makanan yang unik berdasarkan daerah. Sebagai contoh, Ipoh terkenal dengan kopi putih, kacang putih dan mi rebus. Sementara mi udang banjir,





cendol dan mi goreng udang mudah didapati di Taiping dan Kuala Sepetang. Laksa pula terkenal di kawasan Kuala Kangsar.

Makanan yang bernutrien adalah penting untuk menjamin kesihatan masyarakat. Ramai orang tidak menyedari perkara ini sehingga ditimpa penyakit yang tenat. Seseorang yang mengambilkan makanan berkhasiat dapat memberi nutrien yang mencukupi untuk tumbesaran dan menjaga kesihatan dan meningkatkan imuniti badan. Makanan yang seimbang juga dapat mengawal kadar obesiti kerana kuantiti makanan dapat dikawal dengan baik.

Bagi memperkenalkan kepelbagaian jenis makanan tersebut, pelbagai usaha telah dilakukan oleh *Tourism Perak Malaysia* bersama dengan Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Perak (BSKM). Ini termasuklah menghasilkan video pendek “*Perak Food Hunter*” yang bertemakan makanan di negeri Perak (Mohamed, 2021). Selain itu, program *Perak Food Trail* turut dilaksanakan dengan kerjasama Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB). Dalam program ini, peserta akan menaiki koc acara khas *Intercity* dari Kuala Lumpur ke Ipoh (Mohamed Radzi, 2015). Usaha jitu untuk mempromosikan makanan di Perak telah membawa kesan positif terutamanya dalam sektor ekonomi. Permintaan makanan bukan sahaja melonjak naik bahkan turut menyebabkan peningkatan harga makanan.

Justeru, kajian ini akan memberi fokus terhadap perbelanjaan makanan khususnya masyarakat di negeri Perak. Sehubungan dengan itu, bahagian ini akan membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah yang wujud, objektif kajian, persoalan kajian, dan hipotesis kajian. Kemudian, batasan kajian,





kepentingan kajian, dan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini juga akan dibincangkan dalam bab ini. Setiap satunya akan dikupas secara teliti dan terperinci dalam bahagian yang berikut.

1.2 Latar Belakang Kajian

Seiring dengan kemajuan yang dikecapi, amalan pemakanan telah berubah tidak kira di negara membangun atau maju. Perubahan terhadap amalan pemakanan turut merubah corak perbelanjaan pengguna. Isi rumah mempunyai pilihan bagi mendapatkan makanan iaitu sama ada memasak sendiri atau membeli makanan siap. Harga makanan siap yang kompetitif menyebabkan permintaannya meningkat dari masa ke masa.

Selain itu, komitmen kerja dan pilihan makanan siap yang pelbagai dan mudah di dapati turut menjadi penyumbang kepada peningkatan permintaan terhadap makanan siap.

Di Australia misalnya, perbelanjaan terhadap makanan siap meningkat kepada 34% daripada perbelanjaan keseluruhan makanan pada tahun 2016 berbanding hanya 26.4% pada tahun 1993 (Hogan, 2018). Keadaan turut berlaku di negara maju yang lain seperti Amerika Syarikat disebabkan peningkatan jumlah pengeluaran makanan siap, sistem pemprosesan dan agihan makanan siap yang cekap, kaedah pembelian yang mudah dan peluang untuk menikmati makanan yang cepat (Knorr, Khoo dan Augustin, 2018, Baker dan Friel, 2016).

Perubahan gaya hidup tersebut turut memberi kesan kepada Malaysia. Kawasan-kawasan pesat membangun di Malaysia seperti Wilayah Persekutuan Kuala





Lumpur, Selangor, Melaka, Perak, Johor dan Pulau Pinang turut mengalami situasi yang sama (Baskaran et. al., 2017). Terdapat pelbagai pilihan makanan siap yang dijual sesuai dengan gaya hidup masyarakat yang semakin kompleks, sibuk dan tinggi kepadatan penduduk (Nondzor dan Tawiah, 2015).

Tidak dapat dinafikan bahawa perubahan-perubahan tersebut membawa kepada peningkatan signifikan kepada kadar obesiti, diabetes, kanser dan lain-lain penyakit kronik di Australia. Dalam konteks Malaysia khususnya di Perak, terdapat pelbagai jenis pilihan makanan yang mudah diperoleh. Selain promosi, kerajaan negeri Perak turut mengambil inisiatif dengan memberikan kursus dan latihan kepada usahawan yang mengeluarkan makanan. Kursus dan latihan ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan agihan makanan. Selain mempunyai pilihan makanan siap yang pelbagai, Perak juga mempunyai sumber makanan mentah yang mudah diperoleh. Kedudukan Perak yang strategik seperti berhampiran laut membolehkan mereka mendapatkan bekalan makanan seperti ikan pada harga yang berpatutan. Tanah-tanah terbiar juga turut diusahakan oleh kerajaan negeri untuk projek penanaman sayur bagi memastikan bekalan makanan mencukupi terutamanya untuk pasaran di negeri Perak (Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, 2017).

Seiring dengan kemajuan yang dicapai terutamanya dalam pembekalan makanan, terdapat pelbagai masalah kesihatan yang wujud. Obesiti menjadi salah satu penyakit yang sering dikaitkan dengan mana-mana negara maju mahupun membangun. Dalam hal ini, Malaysia juga telah pernah direkod sebagai negara mencatat kadar obesiti tertinggi di ASEAN. Kajian yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan





Malaysia (2012) mendapati kanak-kanak di sekolah rendah juga mempunyai masalah berat badan berlebihan (Abdullah, 2017).

Menurut Ismail (2018), obesiti adalah suatu keadaan yang terdapat lebih lemak dalam badan yang mengakibatkan komplikasi yang teruk kepada kesihatan dan merendahkan kualiti hidup seseorang. Kajian *The Lancet Medical Journal* menunjukkan bahawa secara nisbahnya satu daripada setiap lapan orang adalah obes sejak 1975 dan diramalkan menjadi satu daripada setiap lima orang pada 2025 seluruh dunia. 58 peratus masyarakat mengambil berat tentang pemakanan dan aktiviti fizikal seperti senaman dan rekreasi manakala 57 peratus masyarakat mengalami masalah jantung dan tekanan darah tinggi dan 44 peratus mengalami diabetes.



dengan Amerika Syarikat. Hal ini disebabkan sikap sesetengah ibu bapa yang gemar membekalkan anak-anak mereka dengan makanan segera seperti *Kentucky Fried Chicken* (KFC), *McDonald's* (McD), dan sosej. Selain itu, rakyat Malaysia juga didapati hanya berjalan sebanyak 3,963 langkah sahaja sehari. Jumlah ini adalah lebih rendah daripada purata penduduk dunia iaitu berjalan sebanyak 4,961 langkah sehari. Jumlah langkah berjalan rakyat Malaysia adalah jauh ketinggalan dengan rakyat Hong Kong dengan purata 6,880 langkah sehari. Hal ini juga berlaku ke atas masyarakat di negeri Perak.

Di Perak, Perangkaan dan Morbiditi Kebangsaan 2015 menunjukkan bahawa 5.7 juta orang dewasa berusia 18 tahun ke atas mempunyai masalah obesiti. Penyakit-penyakit seperti kencing manis, darah tinggi, dan kolesterol juga meningkat. Pelbagai





usaha dijalankan untuk mengatasi peningkatan masalah kesihatan di Perak (Ahmad, 2016).

Menurut Abdullah (2018), Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh, Perak telah menubuhkan Klinik Bariatrik bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai obesiti dan cara mengatasinya. Semenjak klinik ini ditubuhkan pada September 2014, bilangan pesakit seramai 1658 orang telah mendaftar, 85 orang pesakit berjaya mengurangkan berat badan antara 40-50 peratus manakala 70 pesakit mengurangkan berat badan sehingga 40 peratus. Majoriti daripada pesakit obesiti ini adalah orang Perak.

Menurut Chan (2017), di antara punca yang mencetus peningkatan beberapa masalah kesihatan adalah disebabkan pengambilan makanan yang berlebihan. Pada masa kini, kebanyakan masyarakat memilih untuk mendapatkan makanan segera, tinggi gula dan kurang nutrisi meskipun dijual pada harga yang tinggi.

Satu kajian mengenai Kesihatan Nasional Dan Kadar Kejadian Penyakit telah dilakukan. Berdasarkan kategori negeri, negeri, Perak mempunyai bilangan peratus obesiti yang tertinggi iaitu 14.1% dan terendah di Sabah dan WP Labuan iaitu 8.0%. Obesiti sederhana dalam kalangan kanak-kanak di kawasan bandar 12.1% lebih tinggi daripada di kawasan luar bandar 11.2% dan ketara dalam kalangan lelaki 13.6% berbanding dengan perempuan 10.0%. Mengikut kumpulan etnik pula, kaum Cina mempunyai bilangan peratus obesiti tertinggi iaitu 13.0%, diikuti oleh kaum India 12.6% dan Melayu 11.8% (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015). Mengikut kumpulan umur pula, bilangan peratus tertinggi adalah dalam kalangan kanak-kanak berumur 5-





9 tahun adalah 14.8% diikuti oleh kanak-kanak berumur 10-14 tahun adalah 14.4% (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015).

Kwame Sundaram et. al. (2019) menyatakan bahawa stok makanan di Malaysia adalah lebih selamat sekarang berbanding dengan masa lalu. Akses makanan tidak lagi menjadi masalah dengan adanya sistem pemprosesan, pengangkutan dan penyimpanan yang lebih baik dan teratur. Semakin ramai rakyat yang gemar untuk membeli makanan siap telah menunjukkan perbelanjaan yang lebih banyak ke atas pembelian makanan. Agihan pendapatan yang tidak serata dan perbezaan jumlah perbelanjaan menunjukkan harga makanan yang meningkat telah menjejaskan isi rumah yang lebih miskin. Kenaikan harga makanan mempunyai kesan secara langsung kepada kos sara hidup.



Tidak dapat dinafikan bahawa makanan merupakan keperluan asas yang penting kepada manusia tanpa mengira golongan miskin atau kaya. Harga barang yang semakin meningkat pada masa ini turut meningkatkan harga makanan yang dijual di pasaran. Untuk memastikan tahap kesihatan dalam keadaan yang baik, makanan yang mempunyai kandungan nutrisi yang pelbagai adalah diperlukan. Pengambilan makanan yang berkualiti dan teratur adalah penting untuk membekalkan tubuh manusia dengan zat dan tenaga serta mengekalkan kesihatan badan (Abdullah dan Ali, 2011). Oleh itu, walaupun harga makanan semakin meningkat, makanan tetap merupakan keperluan asas manusia dan manusia tetap memerlukan makanan tidak kira betapa tinggi harganya.

Pengiraan Indeks Harga Pengguna (IHP) Malaysia juga membuktikan harga makanan semakin meningkat di mana makanan dan minuman merupakan salah satu komposisi indeks tersebut. Inflasi harga makanan dalam negara dipengaruhi oleh harga





makanan seperti ikan dan makanan laut (23.8%), bijirin (23.2%), daging (15.5%), sayur-sayuran (11.3%), produk tenusu dan telur (9.4%) dari keseluruhan IHP dari 2010 hingga 2015, harga makanan laut dan ikan menaik 30.9 % manakala produk tenusu dan telur sebanyak 23%, daging pula naik sehingga 18.7%. Selain itu, sebuah isi rumah di Malaysia dengan lima orang ahli keluarga akan membelanjakan minimum antara RM25.21 hingga RM38.45 setiap hari untuk diet yang berkhasiat. Hal ini hanya mengira makanan yang dimasak di rumah tanpa mengira kos memasak seperti kos pengangkutan untuk membeli bahan memasak, caj elektrik, gas memasak, dan barangan dapur. Perbelanjaan isi rumah median adalah lebih kurang RM2946 sebulan (Noorazam, 2016).

Mohd (2016) mengatakan bahawa makanan dan minuman tidak beralkohol mendominasi 30% daripada keseluruhan perbelanjaan isi rumah diikuti dengan kategori perumahan, utiliti dan bahan api sebanyak 24%. Berdasarkan data IHP dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), IHP umum dipengaruhi oleh pergerakan IHP makanan dan minuman tidak beralkohol, dari Januari hingga Jun 2016, IHP meningkat sebanyak 2.4%.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) (2017), perbelanjaan penggunaan isi rumah utama Malaysia adalah 69.1% di kumpulan utama iaitu perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain, makanan dan minuman tanpa alkohol, pengangkutan, dan restoran dan hotel pada tahun 2016. Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (24.0%) merupakan penyumbang tertinggi kepada keseluruhan perbelanjaan penggunaan isi rumah, diikuti oleh makanan dan minuman bukan alkohol (18.0%), pengangkutan (13.7%), dan restoran dan hotel (13.4%). Komposisi restoran



dan hotel meningkat sebanyak 0.7% pada 2016 berbanding 12.7% pada 2014. Walau bagaimanapun, komposisi utama kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol merosot sebanyak 0.9% pada 2016 berbanding 18.9% dalam 2014.

Menurut Jabatan Statistik Malaysia (DOSM) (2020), perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (23.6%) tetap merupakan penyumbang tertinggi kepada keseluruhan perbelanjaan penggunaan isi rumah, diikuti oleh makanan dan minuman bukan alkohol (17.3%), pengangkutan (13.5%), dan restoran dan hotel (13.9%). Komposisi restoran dan hotel meningkat sebanyak 0.5% pada 2016 berbanding 13.4% pada 2016. Walau bagaimanapun, komposisi utama kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol merosot sebanyak 0.7% pada 2019 berbanding 18.0% dalam 2016.

1.3 Pernyataan Masalah

Sebagai sebuah negeri yang pesat membangun dan mempunyai kepelbagaian bangsa, terdapat pelbagai pilihan makanan termasuklah makanan siap dan tidak siap. Walau bagaimanapun, tidak dapat dipastikan tingkat perbelanjaan makanan masyarakat di negeri Perak seiring dengan terdapatnya banyak penawaran. Selain itu, jumlah perbelanjaan makanan sebagai komponen keperluan asas juga jarang dirungkaikan dalam mana-mana kajian khususnya dalam konteks masyarakat di negeri Perak. Kajian sebegini wajar diberi perhatian kerana hebat diperkatakan bahawa masyarakat di negeri Perak mempunyai permintaan yang tinggi terhadap makanan seiring dengan penawaran makanan yang pelbagai dengan harga yang menarik. Perkara tersebut dikaitkan menjadi

salah satu punca pelbagai penyakit merbahaya seperti kencing manis, darah tinggi, jantung dan sebagainya.

Selain itu, kajian berkenaan dengan pilihan masyarakat Perak terhadap makanan siap atau tidak siap juga tidak pernah dilaksanakan. Pada dasarnya, makanan siap sememangnya memudahkan golongan isi rumah terutamanya yang tinggal di bandar dan mempunyai gaya hidup yang sibuk untuk mendapatkan makanan. Dengan harga mampu milik dan kompetitif, makanan siap sememangnya menjadi pilihan masyarakat masa kini meskipun sering dikaitkan dengan pelbagai isu. Ini termasuklah mengandungi kadar gula dan minyak yang tinggi, penggunaan bahan mentah yang kurang berkualiti, kurang bersih dan sebagainya. Di samping itu, pilihan masyarakat terhadap bahan mentah untuk dimasak sendiri juga tidak dapat dipastikan meskipun negeri Perak terkenal sebagai salah satu negeri pembekal bahan mentah seperti hasil laut, sayuran dan buah-buahan.

Secara umumnya, terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi perbelanjaan makanan. Namun begitu, kajian secara khusus di negeri Perak belum pernah dijalankan. Di antara faktor tersebut termasuklah pengetahuan dan sikap pengguna sendiri. Pengetahuan dan sikap pengguna adalah sederhana bergantung pada faktor ekstrinsik, hasil kajian sebelumnya kadang-kadang bertentangan dan tidak jelas kerana ketidakkonsisten dalam definisi dan pengukuran konstruk ini (Yin et al., 2007). Menurut Vijayabaskar dan Sundaram (2012), perubahan gaya hidup masyarakat dan tren yang sesuai dengan kesedaran kesihatan telah meningkat dan mempengaruhi niat berbelanja mereka. Selvarajn (2012) selanjutnya berpendapat bahawa kekurangan kesedaran tentang produk dan nilai makanan telah menimbulkan masalah kesihatan lalu

mempengaruhi keputusan perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat selain harga yang agak tinggi.

Pada masa kini, terdapat pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri Perak untuk meningkatkan permintaan terhadap makanan sama ada siap atau tidak siap. Selain itu, orang sekeliling turut mempengaruhi perbelanjaan makanan isi rumah. Iklan-iklan yang menarik juga turut mempunyai pengaruh dalam menentukan perbelanjaan masyarakat di negeri Perak. Namun begitu, kajian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi perbelanjaan makanan jarang dilaksanakan. Justeru, kajian secara khusus berkaitan perbelanjaan makanan di negeri Perak wajar dilaksanakan. Input kajian bukan sahaja dapat diguna pakai oleh pihak berwajib, bahkan turut memberi manfaat kepada masyarakat khususnya di Perak.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kajian ini, terdapat tiga objektif kajian yang dikenal pasti iaitu:

1. Menentukan tingkat perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat negeri Perak.
2. Mengenal pasti hubungan di antara faktor demografi dengan perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat negeri Perak.
3. Menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat negeri Perak



1.5 Soalan Kajian

Berikut merupakan soalan-soalan yang akan digunakan dalam kajian ini:

1. Apakah tingkat perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat negeri Perak?
2. Adakah wujud hubungan di antara faktor demografi dengan perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat negeri Perak?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat negeri Perak?

1.6 Hipotesis Kajian



Berikut merupakan hipotesis yang dibentuk dalam kajian ini:



H₁ 1: Terdapat hubungan yang signifikan di antara umur dengan perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat di negeri Perak.

H₁ 2: Terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan dengan perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat di negeri Perak.

H₁ 3: Kesedaran berpengaruh positif signifikan terhadap perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat di negeri Perak.

H₁ 4: Media berpengaruh positif signifikan terhadap perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat di negeri Perak.

H₁ 5: Sosial berpengaruh positif signifikan terhadap perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat di negeri Perak.

H₁ 6: Keagamaan berpengaruh positif signifikan terhadap perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat di negeri Perak.

H₁ 7: Peribadi berpengaruh positif signifikan terhadap perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat di negeri Perak.



1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi faedah dan manfaat kepada golongan berikut:

1.7.1 Ketua Keluarga

Ketua keluarga mempunyai peranan yang penting dalam sesebuah keluarga. Mereka perlu mengawal perbelanjaan makanan untuk memastikan setiap ahli keluarga mendapat makanan yang berkhasiat bagi mengekalkan kesihatan. Meskipun terdapat banyak pilihan makanan di pasaran, ibu bapa haruslah bijak berbelanja bagi memenuhi keperluan dan kehendak ahli keluarganya.

Ketua keluarga juga berperanan untuk menyampaikan maklumat yang tepat kepada anak-anak tentang perbelanjaan dan pemilihan makanan. Didikan yang tepat dari ketua keluarga amat penting untuk mempengaruhi tumbesaran mental anak-anak, begitu juga dari segi sikap berbelanja. Sikap yang sederhana atas perbelanjaan akan dapat menjamin kesejahteraan hidup dan mengurangkan pembaziran.

1.7.2 Pelajar

Kajian ini juga penting untuk pelajar yang sedang menjalankan kajian yang fokus sama dengan makanan atau perbelanjaan makanan. Dengan menghasilkan lebih banyak



kajian yang fokusnya berkaitan dengan jumlah perbelanjaan makanan, pelajar-pelajar tersebut akan mendapatkan lebih banyak literatur yang berkaitan dengan perbelanjaan makanan. Hal ini dapat melancarkan penulisan kajian mereka pada masa yang akan datang.

Selain itu, terdapat sorotan literatur yang menyumbang kepada pengetahuan yang lebih mendalam kepada pelajar dalam memahami faktor-faktor yang menjadi penyumbang kepada perbelanjaan makanan. Para penyelidik boleh menggunakan maklumat ini untuk penyelidikan yang akan datang.

1.7.3 Masyarakat



Kajian ini penting untuk mendedahkan jumlah perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat. Masyarakat akan dapat mengetahui jumlah yang dibelanjakan ke atas makanan. Masyarakat haruslah lebih peka dengan kemunculan kepelbagaian makanan dan juga kebaikan dan keburukannya. Mereka harus bijak memilih dan berbelanja mengikut keperluan supaya mengelakkan pembaziran

Nilai tanpa membazirkan wang patut diamalkan dalam kehidupan harian dimulakan dengan perancangan perbelanjaan makanan. Faktor-faktor mempengaruhi jumlah perbelanjaan makanan yang ditemui dalam kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada masyarakat untuk mempertimbangkan aspek-aspek yang perlu diambil perhatian supaya mengelakkan diri daripada melakukan perbelanjaan yang melebihi kemampuan kewangan diri mereka.





Masyarakat seharusnya mempunyai kebijaksanaan dalam memilih makanan dengan memberi perhatian kepada segi kesihatan dan bukannya kepada makanan yang sedap sahaja. Kajian ini akan memberi pendedahan mengenai Jumlah perbelanjaan makanan yang menyebabkan masyarakat saling menyokong untuk dapatkan makanan yang sihat, seimbang dan harga yang berpatutan.

1.7.4 Kerajaan

Fungsi utama kerajaan ialah mengawal harga makanan supaya makanan dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Ini penting bagi memastikan semua orang dapat memenuhi keperluan asas iaitu makanan. Kerajaan berperanan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat untuk memilih dan menikmati makanan yang sihat. Masyarakat yang sihat akan meningkatkan produktiviti negara. Kerajaan negeri Perak juga memainkan peranan yang penting dalam menyelesaikan masalah obesiti dan harga makanan. Kerajaan juga boleh meningkatkan kemudahan capaian makanan bagi kawasan luar bandar untuk mengurangkan kos pengangkutan yang meningkatkan harga makanan.

Perbelanjaan masyarakat terhadap makanan juga menyumbang kepada pendapatan negara. Oleh itu, kerajaan perlu campur tangan ke atas pengawalan harga makanan termasuklah makanan siap atau bahan mentah untuk memasak. Hal ini kerana makanan tersebut merupakan barang asas seperti sayur, ikan, garam dan beras yang





diperlukan oleh masyarakat setiap hari supaya membekalkan khasiat dan tenaga untuk menjalankan aktiviti harian dan ekonomi.

Kerajaan juga boleh campur tangan dalam pengawalan harga petrol. Harga petrol akan mempengaruhi harga makanan kerana ia merupakan kos langsung dalam pengeluaran makanan. Sebagai contoh, sayur yang dihantar ke pasar raya menggunakan pengangkutan yang bergantung kepada petrol sebagai bahan bakar. Dengan pengawalan harga petrol, harga makanan turut dapat dikawal dengan mudah.

Kajian ini penting kepada kerajaan untuk menentukan sebuah dasar yang benar-benar melindungi para pengguna. Dasar-dasar yang digubal termasuklah penentuan harga atau menghadkan pengeluaran sesuatu barang untuk meningkatkan atau mengurangkan penggunaan oleh masyarakat demi menjaga kesihatan. Dengan itu, kesihatan masyarakat dapat dijamin dan kos kesihatan dapat dikurangkan.

1.8 Limitasi kajian

Dalam tempoh melaksanakan kajian ini, skop dan limitasi telah ditentukan supaya fokus kajian adalah lebih tertumpu. Skop kajian difokuskan kepada perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat Negeri Perak yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Selain itu, kajian ini juga turut mengenal pasti hubungan di antara faktor demografi dengan perbelanjaan makanan dalam kalangan masyarakat di negeri Perak. Faktor-faktor yang mempengaruhi perbelanjaan makanan juga turut dibincangkan dalam kajian ini.



Walaupun terdapat banyak faktor demografi seperti jantina, umur, kaum, agama, tahap pendidikan tertinggi, pekerjaan, pendapatan bulanan, tanggungan, dan lokasi kediaman, kajian ini hanya menggunakan dua faktor demografi iaitu umur dan tahap pendidikan. Hal ini bertepatan dengan Birari dan Patil (2014) dan Seman dan Ahmad (2017) yang menyatakan bahawa dua faktor demografi mempengaruhi perbelanjaan makanan dan jarang dikaji. Walaupun terdapat banyak faktor yang mempengaruhi perbelanjaan makanan, kajian ini hanya menggunakan 5 faktor sahaja seperti media, kesedaran, sosial, keagamaan dan peribadi.

Sampel kajian terdiri daripada responden yang merupakan ketua keluarga atau lebih tepat lagi adalah suami. Sekiranya telah meninggal dunia atau bercerai, isteri dikira sebagai ketua keluarga dan turut dipilih untuk menjadi responden dalam kajian ini.

1.9 Definisi Operasional

Beberapa definisi operasional yang penting kepada kajian ini akan dijelaskan seperti berikut:



1.9.1 Perbelanjaan Makanan

Ahmad Farid Qoureshm et. al. (2019) menyatakan bahawa perbelanjaan merupakan satu proses melibatkan wang yang digunakan oleh setiap individu untuk keperluan peribadi atau bagi menjanakan sesuatu hasil dalam kehidupan seharian. Sementara itu, Mohd (2005) menerangkan bahawa makanan merupakan bahan harian yang diambil oleh masyarakat. Dalam hal ini, Hamizah (2018) menyatakan bahawa pengambilan makanan berkhasiat adalah penting bagi meningkatkan fungsi tubuh manusia ke tahap optimum.

Kumar et. al. (2020) menerangkan bahawa perbelanjaan makanan ditakrifkan sebagai jumlah wang yang dibelanjakan oleh individu bagi mendapatkan makanan.



Takrif ini diguna pakai dalam kajian ini bagi mendefinisikan perbelanjaan makanan.

Secara lebih khusus, perbelanjaan makanan dalam kajian ini merupakan jumlah perbelanjaan yang dilakukan oleh isi rumah untuk mendapatkan makanan sama ada siap atau tidak siap.

1.9.2 Makanan Siap

Makanan siap boleh didefinisikan menjadi makanan tumbuhan atau haiwan yang harus dibekukan, dimasak dan diproses sebelum dapat dimakan secara langsung atau memerlukan masa penyediaan yang sangat minimum seperti mendidih atau memanaskan semula sebelum dimakan (Howard et al., 2012).





Menurut *US Food and Drugs Administration* (FDA) (2020), makanan siap bermaksud makanan yang diproses, yang dapat diramalkan bahawa makanan akan dimakan tanpa pemprosesan lebih lanjut. Makanan siap adalah sekumpulan produk makanan yang telah dibersihkan, dimasak, kebanyakannya dibungkus dan siap untuk dimakan tanpa penyediaan atau memasak terlebih dahulu (Kotzekidou, 2016). Contoh makanan siap adalah seperti Kentucky Fried Chicken (KFC) menyediakan menu dalam bentuk makanan segera atau makanan siap makan, termasuk ayam goreng, kentang goreng, burger, spageti dan minuman berkarbonat dan sebagainya (Zul, Kusumawati dan Dewi, 2020).

Dalam kajian ini, makanan siap merujuk kepada makanan yang telah siap diproses dan sedia dimakan (contoh: nasi goreng yang dibeli daripada restoran) atau makanan yang telah siap diproses dan hanya memerlukan masa penyediaan yang minimum seperti mendidih atau memanaskan semula sebelum dimakan (contoh: makanan sejuk beku).

1.9.3 Makanan tidak siap

Menurut *USDA Food Safety and Inspection Service* (2014), makanan tidak siap merujuk kepada haiwan atau tumbuhan yang perlu diproses sebelum dimakan. Ini termasuklah daging, hasil laut, sayur-sayuran, buah-buahan dan lain-lain. Kajian ini menggunakan definisikan tersebut bagi menghuraikan maksud makanan tidak siap. Produk yang tidak siap dimakan perlu dimasak oleh pengguna untuk keselamatan.





Makanan tidak siap merujuk kepada bahan mentah yang dibeli untuk menghasilkan makanan.


Dalam kajian ini, makanan segar yang dibeli mengandungi komponen mentah dikira sebagai makanan tidak siap. Makanan tidak siap ialah makanan yang perlu dipanaskan atau belum siap diproses seperti bahan mentah yang dijual di pasar untuk dimasak yang tidak boleh dimakan segera. Makanan seperti rempah, sayur-sayuran, daging mentah dan makanan laut mentah juga merupakan makanan tidak siap kerana perlu diproses dan dimasak sebelum dimakan.

1.10 Kerangka Konseptual Kajian



Kerangka konseptual kajian ini terbahagi kepada dua, iaitu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah jumlah perbelanjaan makanan manakala pemboleh ubah bebas ialah faktor pendapatan, kesedaran, media, sosial, keagamaan, dan peribadi. Kerangka konseptual adalah seperti berikut:





Rajah 1.1. Kerangka Kajian

1.11 Kesimpulan

Anggaran ke atas perbelanjaan makanan adalah sangat penting kepada individu, sesebuah keluarga dan masyarakat. Perbelanjaan makanan yang memenuhi keperluan dan kehendak akan dapat menjamin kehidupan masyarakat. Penyesuaian harga makanan oleh para penjual makanan untuk akan menjamin ketercapaian makanan kepada semua lapisan masyarakat terutama kepada mereka yang miskin.

Justeru, diharapkan objektif kajian tercapai di samping dapat menjawab setiap persoalan kajian dengan jelas sekali gus di akhir kajian ini. Juga diharapkan bahawa kajian ini dapat memberikan pengetahuan yang bermanfaat kepada masyarakat Negeri Perak khususnya untuk diaplikasikan dalam perancangan perbelanjaan makanan sesebuah keluarga.